



جَبَارُخَالْحُوقَالْكَامِرَالْسَّلَامِيَنْجَتِيَانِبِرِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

09 MUHARAM 1442H / 28 OGOS 2020

### MEMPERTAHAN KEMERDEKAAN TANAH AIR

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada khatib:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan memindahkan isi perkatan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit

## TEKS KHUTBAH JUMAAT PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ :

لَقَدْ كَانَ لِسَبَبِي فِي مَسْكِنِهِمْ ءَايَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينِ وَشِمَالِ كُلُّوْا مِنْ رِزْقِ  
رَبِّكُمْ وَأَشْكَرُوا لَهُ بَلْدَةً طَيِّبَةً وَرَبُّ غَفُورٍ

15

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى عَالِيهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُسْتَقْوِي اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُسْتَقْوِيْنَ .

### **MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Marilah bersama-sama kita pertingkatkan rasa kesyukuran dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT. Kita bersyukur kerana pada ketika ini sekali lagi kita dapat meraikan detik bersejarah yang amat bermakna dalam kehidupan kita bermasyarakat dan bernegara, iaitu Sambutan Hari Kebangsaan negara yang ke-63. Kita bersyukur kerana melalui kemerdekaan ini kita mengenal erti keamanan, kita bersua dengan nikmat kemajuan dan kemakmuran yang merupakan anugerah Allah kepada kita sebagai rakyat bertuah di bumi Malaysia ini.

Lihatlah sejarah yang pernah tercatat di tanah air kita, betapa sukarnya hidup bernaung di bawah cengkaman penjajah. Lihatlah bagaimana penjajah memeras tenaga, bagaimana mereka membelenggu pemikiran dan mengaut segala hasil mahsul kita. Dan yang lebih berbahaya lagi ialah bagaimana penjajah itu berusaha memastikan agar setiap pribumi tertinggal jauh di belakang dari sudut pendidikan atau keilmuan serta alpa dan terpesong dari aspek budaya dan penghayatan beragama.

Hari ini berkat kemerdekaan itu, yang diperjuangkan oleh para pahlawan yang terdiri dari kalangan pemimpin, ulamak dan rakyat keseluruhannya kita telah dianugerahkan oleh Allah dengan nikmat keamanan, nikmat kesejahteraan dan kemakmuran justru memudahkan kita melaksanakan tuntutan hidup beragama, keperluan hidup berkeluarga, berjiran dan bermasyarakat dengan penuh keselesaan.

## **HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH SWT SEKALIAN,**

Ada beberapa perkara yang perlu direnungkan dan dihayati bersama dalam memastikan kemerdekaan yang sangat mahal harganya ini dapat kita pertahankan, baik kemerdekaan tanah air, mahupun kemerdekaan minda, pemikiran, budaya dan jiwa kita dari dijajah dan terjajah.

**Pertama**, salah satu nikmat besar yang dianugerahkan oleh Allah SWT hasil daripada kemerdekaan negara ialah nikmat keamanan yang membolehkan kita mengecapi kemakmuran dan kesejahteraan. Nikmat ini hendaklah disyukuri dengan mengekalkan pra syarat kepada keamanan berkenaan iaitu dengan mempertahankan ikatan persefahaman dan perpaduan. Perlu diingat bahawa kekuatan perpaduan inilah yang menjadi asas kejayaan kita mencapai kemerdekaan. Justeru, segala unsur yang boleh menjadikan perpaduan seperti hasad dengki, suka berdendam, gemar memfitnah dan permusuhan hendaklah dihindarkan dari kehidupan kita bermasyarakat. Rasulullah SAW pernah mengingatkan dalam sebuah hadisnya yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu bertelingkah, sesungguhnya orang-orang sebelum kamu bertelingkah lalu mereka binasa”. (HR: Ahmad)*

## **HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Perkara **kedua** yang menjadi asas terpenting dalam memastikan kelangsungan kemerdekaan ini ialah penguasaan keilmuan. Ketika penjajah dahulu, hanya golongan yang tertentu sahaja yang diberikan keistimewaan untuk menimba ilmu pengetahuan. Namun setelah kita merdeka semua rakyat berhak untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan sehingga ramai dikalangan kita yang berjaya menjadi para cendekiawan, ulamak dan menjadi golongan professional dalam pelbagai bidang. Sebagai umat Islam, agama kita yang suci ini jelas memberikan penekanan terhadap bidang keilmuan. Oleh itu kita perlu berada di hadapan dalam meneroka pelbagai disiplin ilmu, agar umat Islam tidak terpinggir dan hanya menjadi sekadar penonton kepada arus pembangunan dan kemajuan negara.

Perkara **ketiga** yang lebih penting yang perlu diberikan perhatian dalam upaya mempertahankan serta mengisi nikmat kemerdekaan negara ialah dengan memastikan jati diri bangsa tetap berteraskan akidah dan akhlak Islamiah. Perlu diingat bahawa Islamlah yang menjadi pelopor kepada segala bentuk kemerdekaan. Islam memerdekaan jiwa insan dari belenggu kesyirikan dengan membawa mereka dari norma keberhalaan menuju nilai ketauhidan. Islam juga melepaskan insan daripada sistem perhambaan sesama manusia. Malah Islamlah yang memberikan jalan yang terbaik kepada manusia agar bebas daripada belenggu penjajahan budaya dan pemikiran menerusi kewajipan menuntut ilmu berpaksikan iman dan takwa.

## HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, adalah diharapkan semoga tiga perkara yang disebutkan tadi yang menjadi teras kemerdekaan ini iaitu penghayatan beragama, penguasaan ilmu dan ikatan perpaduan dapat bersama-sama diterjemahkan dalam kehidupan kita. Sebagai renungan sempena menyambut detik sejarah kemerdekaan negara yang ke-63. Marilah kita hayati firman Allah SWT dalam surah Saba' ayat 15 :

لَقَدْ كَانَ لِسَبَابًا فِي مَسْكَنِهِمْ ءَايَةً جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوْا مِنْ رِزْقٍ  
رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

15

Maksudnya: "Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!."

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَقَعْدَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدُّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي  
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسِلِّمِينَ وَالْمُسِلِّمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْفَغُورُ الرَّحِيمُ.



## تيسّر خطبه جمعة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبةُ لِلْمُقْتَنَى، وَلَا عُذْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِيهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

أَمَّا بَعْدُ : فِيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُتنَّ إِلَّا وَأَئْمَنَ مُسْلِمُونَ . أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقْوَى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُسْتَقْوَنَ . قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ . يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا . اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ .

اللَّهُمَّ ارْضُ عَنِ الْحُلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ اتْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمُلْ بِعِنَايَتِكَ إِلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانَ يَغْتَرِّوْنَ يَعْدِقُوْنَ نَكْرِي سَابِهِ . وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمِنَةً ، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ . اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ . اللَّهُمَّ انْصُرِ

الإِسْلَامُ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمَرَ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَهْلِكَ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبَدِّعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ  
وَكُلَّ مَنْ هُوَ عَدُوٌّ لِلَّهِ وَلِلَّهِيَّا.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَأَوْلَيَاءَ أُمُورِهِمْ بِالصَّالِحِ وَالْإِعَاتَةِ عَلَى الْحَقِّ وَالْقِيَامِ بِالْعَدْلِ، وَانْصُرْ جُيُوشَ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُوَحَّدِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ لِإِعْلَاءِ كَلِمَتِكَ، إِنَّكَ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ، رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا  
وَدُرِّيَّاتِنَا قُرْبَةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُسْتَقِينَ إِمَاماً، رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi.  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522127 @ 088-522142